

**AMALAN-AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI
SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEPANG**

NORHAYATI BINTI AB WAHAB

**INSTITUT PENGAJIAN KEPENGETUAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

JULAI 2009

122204



122204

ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk melihat tahap dan perubahan amalan yang disifatkan sebagai komuniti pembelajaran profesional (KPP) di sebuah sekolah menengah di Daerah Sepang. Di samping itu, kajian ini juga melihat faktor-faktor yang menghalang pembentukan KPP di sekolah tersebut. Kajian deskriptif bukan eksperimental ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengutip data kuantitatif bertujuan melihat tahap KPP diamalkan dan perubahan amalan KPP. Kajian ini diperkuatkan dengan data yang diperoleh daripada sumber soalan terbuka dalam soal selidik, untuk melihat faktor-faktor yang menghalang pembentukan KPP di sekolah berkenaan. Data diperoleh melalui instrumen berasaskan item-item daripada *Professional Learning Community Assessment (PLCA)* yang dibina oleh Hipp dan Huffman (2003), diubah suai dan digunakan oleh Zuraidah (dalam kajian yang sedang dijalankan). Analisis kajian rintis mendapati pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach .95. Dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri KPP memang wujud di sekolah kajian. Semua ciri KPP wujud pada tahap tinggi dengan nilai skor min bagi dimensi antara 3.55 hingga 3.91. Seterusnya, guru-guru merasakan amalan-amalan positif ini bertambah baik dalam masa dua tahun kebelakang. Analisis data kualitatif mendapati faktor-faktor yang boleh menghalang pembentukan KPP ialah masa, kewangan, bebanan tugas guru, komunikasi, sokongan dan galakan pengetua dan pentadbir, Jurang perhubungan antara pentadbir dan guru, sikap guru dan jarak kedudukan guru yang terpisah.

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Literatur membuktikan pengetua yang memupuk amalan-amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dalam kalangan guru-guru di sekolah, didapati dapat meningkatkan kualiti pengajaran bagi membantu menambahbaik pembelajaran dan pencapaian akademik murid. Peningkatan keprofesionalisme guru-guru di sekolah ini ialah melalui pembelajaran guru secara berterusan. Pembelajaran guru-guru ini dijalankan sama ada secara formal atau pun tidak formal. Bentuk pembelajaran sama ada secara berdialog, bersoal jawab, mengkaji atau berkongsi amalan-amalan pengajaran sehari-hari. Di samping itu, guru-guru juga dapat bekerjasama secara lebih kolaboratif untuk mencari penyelesaian bagi membantu menambah baik pembelajaran dan pencapaian murid yang akhirnya meningkatkan keberkesanan dan penambahbaikan sekolah (DuFour dan Marzano, 2009; Hord & Sommers, 2008; Harris, Day, Hopkins, Hadfield, Hargreaves dan Chapman, 2003; Eaker, DuFour dan DuFour, 2002; Harris, 2002; Sergiovanni, 2001a; Hipp dan Huffman, 2000a dan Hord, 1997).

Idea KPP ini telah dikembangkan oleh Hord (1997) berasaskan organisasi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Senge (1992) dalam

organisasi perniagaan. Senge (1992, hlm 6) mendefinisikan organisasi pembelajaran sebagai sebuah organisasi yang mana individu mengembangkan kapasitinya secara berterusan dengan harapan untuk mencipta hasil yang sebenarnya, memupuk pemikiran yang baru, bebas menetapkan matlamat bersama dan individu sentiasa belajar tentang cara untuk meneruskan pembelajaran bersama-sama.

Konsep organisasi pembelajaran Senge (1992) ini, apabila dilaksanakan di sekolah, Hord (1997) telah menterjemahkannya sebagai KPP (Meehan, Orletsky dan Sattes, 1997, hlm 11). Menurut Hord (1997, hlm 14), adalah sangat jelas usaha untuk mentransformasikan organisasi sekolah sebagai sebuah komuniti pembelajaran hanya boleh dilakukan oleh pemimpin yang mengambil langkah membuat perubahan dan secara aktif memupuk pembangunan semua staf sebagai satu komuniti. Transformasi yang ingin dibawa oleh pengetua, seharusnya di peringkat sekolah dan bilik darjah, iaitu yang berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran (Hord et.al, 2008; Creemers dan Kyriakides 2008 dan Fullan 1991)

Sehubungan dengan itu, Harris (2002) menyatakan sekolah-sekolah yang berjaya telah membuktikan mereka komited kepada usaha menambahbaik sekolah dan bersedia untuk merubah amalan sedia ada. Perubahan amalan sedia ada ini ialah berkaitan dengan kerja-kerja pengajaran dan pembelajaran (p&p) di dalam bilik darjah. Semua guru harus disedarkan bahawa kerja mereka bukan hanya sekadar untuk

mempastikan apa yang perlu di ajar kepada semua murid, tetapi sejauh mana setiap murid itu menguasai pembelajaran mereka dan bagaimana guru seharusnya bertindak balas kepada murid yang menghadapi kesukaran untuk menguasai pembelajaran (DuFour, 2005). Situasi inilah merupakan asas kepada sekolah sebagai komuniti pembelajaran, iaitu untuk menggerakkan semua guru agar sentiasa mahu dan bersedia membangunkan kapasiti diri dengan mengamalkan budaya pembelajaran berterusan bagi memastikan guru-guru menjawai tanggungjawab membantu murid menguasai pembelajaran mereka.

Hord, et.al (2008, hlm 6-7) turut berpendapat bahawa perubahan yang dibawa oleh pengetua sangat penting dari segi mengubah amalan pedagogikal, mengadaptasi kurikulum baru, membentuk semula budaya dan iklim sekolah atau melaksanakan pelbagai sasaran penambahbaikan sekolah. Untuk memastikan pelaksanaaan KPP, pengetua harus berperanan sebagai pemimpin yang luar biasa untuk merubah budaya dan iklim sekolah (Kouzes & Posner, 2007). Perubahan yang berlaku di sekolah seharusnya daripada amalan tradisional yang hanya menyampaikan kandungan kurikulum kepada amalan baru yang meneruskan pembelajaran bagi membangunkan kurikulum.

Berhubungan dengan itu, untuk membawa perubahan ke dalam sekolah, Fullan (1992a) telah mencadangkan agar perubahan dilakukan mengikut tiga tahap. Tiga tahap perubahan ini ialah tahap permulaan (initiative), tahap pelaksanaan (implementation) dan tahap pengamalan

(institutionalization). Beliau juga menyatakan perubahan adalah proses pembelajaran idea-idea dan perkara baru. Oleh itu, matlamat asas penambahbaikan sekolah adalah untuk menambahbaik pembelajaran murid, iaitu yang menunjukkan bahawa kualiti pengajaran ialah kunci yang menentukan pembelajaran murid (Fullan, 2002c)

Oleh itu, untuk membawa perubahan kepada kualiti p&p, sekolah perlu memulakan perubahan dengan mempromosikan konsep amalan-amalan KPP di sekolah. Konsep amalan-amalan KPP dalam kalangan komuniti guru yang ingin dibawa dan disebarluaskan ini didapati selari dengan hasrat dan misi pendidikan negara seperti yang dinyatakan dalam PIPP. Hal ini demikian kerana, PIPP yang dirangka khusus oleh KPM merupakan satu perancangan pembangunan bersepadu yang mempunyai matlamat untuk mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan sehingga membolehkan guru dan murid mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia (KPM, 2006). Potensi sekolah yang ingin dikembangkan ialah dengan memberikan fokus untuk meningkatkan kualiti guru melalui pembelajaran dan pembangunan guru yang berterusan (Teras ketiga PIPP).

Hal ini dibuktikan dengan penekanan KPP yang diperjuangkan oleh Hord et.al (2008), DuFour dan rakannya (2004), Hipp dan Huffman (2003), dan pengamal akademik yang lain untuk memastikan semua murid memperoleh pengetahuan, kemahiran dan perwatakan yang cemerlang agar berjaya pada masa hadapan. Mereka sependapat, sekolah yang